



23 MAY, 2020

## KPDNHEP perkenal SHMMP sempena perayaan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# KPDNHEP perkenal SHMMP sempena perayaan

**AKUN GIMAN**

**SIBU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP) semalam memperkenalkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak 2020.

Ketua cawangan KPDNHEP Sibu, Kelyn Bolhasan berkata, perlaksanaan SHMMP adalah bertujuan memastikan harga barang terpilih terkawal dengan penepatan harga siring.

Menurutnya, SHMMP Hari Raya Aidilfitri 2020 telah bermula pada 20 Mei hingga 3 Jun depan dengan sembilan jenis barang disenaraikan.

"Antaranya ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, kepak ayam, ayam tua, telur ayam gred A,B dan C, daging babi (perut), dan daging babi (daging dan lemak)," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pemeriksaan harga barang terpilih terkawal SHMMP Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak di salah sebuah pasaraya, di sini semalam.

Selain dua skim tersebut, katanya, kerajaan juga telah membuat penambahan

import, telur ayam gred A,B dan C, kelapa biji di peringkat pemborong dan kelapa parut di peringkat peruncit.

"Manakala, SHMMP Hari Gawai Dayak berkuatkuasa mulai 28 Mei hingga 3 Jun dengan sepuluh jenis barang yang disenaraikan.

"Antaranya ialah ayam hidup, ayam standard, ayam

super, kepak ayam, ayam

tua, telur ayam gred A,B

dan C, daging babi (perut),

dan daging babi (daging

dan lemak)," jelasnya.

Tegasnya, KPDNHEP Sibu akan sentiasa membuat pemantauan di lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani dan pasaraya.

"Langkah-langkah ini bagi

melindungi pengguna da-

ri pada aktiviti pengambilan

keuntungan yang berlebi-



**PEMERIKSAAN...** Kelyn bersama pegawai penguatkuasa menjalankan pemeriksaan di salah sebuah pasaraya di Sibu semalam.

han barang harga terkawal menerusi SHMMP 2.0 yang berkuatkuasa mulai 22 Mei hingga 3 Jun depan.

"Terdapat 11 jenis barang disenaraikan bagi Negeri Sarawak. Antaranya ialah tomato, kubis import Indonesia dan China, cili merah, lada bangala hijau, bawang besar China dan Holland, ubi ketang import china, cili keriting, kacang tanah import, ikan kembung termasuk ikan mampong dan ikan selayang," ujarnya.

Tegasnya, KPDNHEP Sibu akan sentiasa membuat

pemantauan di lokasi-loka-

si yang menjadi tumpuan

orang ramai membeli-bela-

h seperti pasar awam, pas-

tar tani dan pasaraya.

"Langkah-langkah ini bagi

melindungi pengguna da-

ri pada aktiviti pengambilan

keuntungan yang berlebi-

han oleh peniaga yang tidak bererti semasa musim perayaan.

"Manakala, pengguna mestilah mengetahui tanggungjawab dan meng-

gunakan hak mereka dan

adalah disarankan supaya

tidak membuat pembeli-

an berlebihan yang boleh

memberi tekanan kepada harga barang," ujar beliau.

Sekiranya didapati

ada peniaga yang tidak

mematuhi undang-undang

berkenaan dengan skim

ini, aduan boleh disalur-

kan kepada kementerian

melalui portal e-aduan@

kpdnhep.gov.my atau Call Centre 1800886800 atau email e-aduan@kpdnhep.gov.my

Atau Aplikasi telefon pintar Ez ADU atau Enforcement Command Centre (ECC) 03-88826245/6088

dan whatsapp ke 019-2794317.



23 MAY, 2020

## KPDNHEP perkenal SHMMP sempena perayaan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SIBU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP) semalam memperkenalkan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai Dayak 2020. Ketua cawangan KPDNHEP Sibu, Kelyn Bolhassan berkata, perlaksanaan SHMMP adalah bertujuan memastikan harga barang terpilih terkawal dengan penepatan harga siling. Menurutnya, SHMMP Hari Raya Aidilfitri 2020 telah bermula pada 20 Mei hingga 3 Jun depan dengan sembilan jenis barang disenaraikan.